

Terapkan Latihan Ala Tentera Di PLKN

Youtu - Program /
Activity
P. 17

Satu bentuk hukuman yang benar-benar menggerunkan ke atas pelanggar disiplin perlu dilaksanakan apalagi tempoh masa latihan yang sesingkat tiga bulan

BERITA-BERITA yang kerap tersiar mengenai kes-kes pergaduhan membabitkan peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejak sebulan lalu, walaupun dianggap belum serius tetapi kes seumpama itu sedikit sebanyak meninggalkan kesan. Antara kesannya adalah ia dapat menimbulkan kebingungan kepada sesetengah ibu bapa mengenai keselamatan anak-anak mereka dan kesannya kepada kerajaan pula adalah untuk menjelaskan dan meyakinkan rakyat bahawa apa yang terjadi itu adalah kes-kes terpicil.

Parti DAP sendiri dalam kenyataan mediana baru-baru ini menjadikan kes-kes pergaduhan yang berlaku itu sebagai senjata politiknya untuk mendesak kerajaan agar menarik balik pelaksanaan PLKN dan mengaitkan kes pergaduhan itu dengan sentimen perkauman.

Dari segi rasionalnya, DAP tidak sewajarnya berpendirian sedemikian dan begitu cepat membuat kesimpulan bahawa PLKN telah gagal kerana mana-mana program besar yang membabitkan penyertaan manusia dalam jumlah yang terlalu banyak apalagi remaja, sudah tentu akan berdepan dengan masalah pada peringkat awalnya.

Jika banyak ibu bapa di negara ini gagal mendisiplinkan anak-anak mereka walaupun dalam satu keluarga yang tidak begitu besar, sudah tentu PLKN tidak boleh dipersalahkan hanya kerana beberapa kes pelanggaran disiplin dan pergaduhan membabitkan pesertanya.

Pada pandangan penulis, sekiranya ada peserta masih boleh bertindak liar dalam satu program kerajaan yang bermatlamat untuk melahirkan satu generasi yang berdisiplin tinggi, maka, kita mungkin boleh menilai sendiri tahap kelakuan mereka sebelum menyertai PLKN.

Ada peserta yang mungkin pernah menjadi samseng, kaki ponteng atau kaki pukul di sekolah dan barangkali ada yang terbabit dalam segala macam kegiatan tidak bermoral. Semua jenis remaja itu dengan pelbagai latar belakang dan kaum pula, dihipunkan dalam satu program. Kita sendiri boleh bayangkan bagaimana sukarnya untuk membentuk disiplin mereka.

Bagaimanapun, pihak penganjur program itu harus bersedia untuk melakukan pembaharuan bagi memperkemas di sana sini jika ada berlaku sebarang kekurangan atau kelemahan pada peraturan atau modul latihan sedia ada.

Kita harus mengkaji secara mendalam kenapakah ada peserta sanggup mencabar jurulatihnya sehingga berlaku pergaduhan; kenapa peserta sesuatu kaum sukar bergaul dengan peserta kaum lain dalam satu kem; dan adakah sistem atau peraturan

ISU-ISU RAKYAT

bersama
MARZUKI YUSOFF



sedia ada benar-benar berkesan untuk mencegah sebarang pergaulan yang tidak diinginkan antara peserta lelaki dan perempuan.

Dalam siaran berita TV3, baru-baru ini, ada yang terkejut menyaksikan peserta lelaki yang berpakaian tidak begitu sopan dan berjalan pula dengan peserta perempuan sambil makan ais-krim.

Walaupun hal itu dianggap satu perkara biasa bagi sesetengah pihak tetapi apabila pemandangan seumpama itu dipertontonkan kepada ibu bapa, ia tidak begitu manis bagi pandangan sesetengah ibu bapa yang berfahaman agak konservatif dalam soal sebegini.

Kerajaan sendiri sebagai pihak penganjur juga berada dalam keadaan dilema. Untuk memperkenalkan peraturan terlalu tegas dan

ketat seperti cara tentera, dibimbangi akan timbul pula bantahan dan kritikan daripada sesetengah pihak.

Selain itu, kerajaan dari awal lagi telah mengumumkan bahawa PLKN bukannya program latihan yang sepenuhnya menerapkan latihan dan disiplin keras ketenteraan seperti National Service yang dilaksanakan di Singapura.

Bagaimanapun, PLKN mungkin akan menghadapi kesukaran untuk menerapkan disiplin atau melahirkan generasi muda seperti yang diinginkan, tanpa ada satu bentuk latihan dan peraturan yang benar-benar menyemai tahap disiplin yang ingin dicapai.

Ada kalanya, 'cara paksaaan dan tegas' dengan satu bentuk hukuman yang benar-benar menggerunkan ke atas pelanggar disiplin perlu dilaksanakan, apalagi, dalam konteks tempoh masa latihan di PLKN yang begitu singkat iaitu tiga bulan saja.

Kita mahu memastikan bahawa ibu bapa akan berasa girang hati apabila menyaksikan perubahan sikap anak-anak mereka - yang mungkin dulunya liar - berubah sikap menjadi anak yang baik dan berdisiplin sejurus setelah keluar daripada kem-kem latihan PLKN.

Masalahnya, adakah ibu bapa bersedia untuk menyokong sebarang usaha jika kerajaan terpaksa memperkenalkan modul latihan dan hukuman alaketenteraan jika kes-kes pelanggaran disiplin dan pergaduhan masih lagi berlaku.

Yang penting sekarang, PLKN mesti diteruskan dan semua pihak termasuk parti-parti pembangkang wajar memberi kerjasama penuh bagi menjayakan matlamat kerajaan itu.

Ini termasuk jika kerajaan akhirnya terpaksa memperkenalkan latihan ala tentera kerana semua itu dilakukan atas matlamat murni, iaitu menanam nilai-nilai baik pada diri setiap peserta program kerana mereka inilah yang akan mencorakkan negara pada masa depan. □